

CNS4483

R GB 01-02 00175 BH245

BAH

Mahathir - Pertanian

RAKYAT MALAYSIA ADA TENAGA DAN KEBOLEHAN KEJAR BANGSA LAIN

KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) -- Rakyat Malaysia mempunyai tenaga dan kebolehan untuk mengejar bangsa-bangsa yang maju dan kini memerlukan semangat untuk terus mengejar mereka, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

"Kita yang di belakang ini mestilah berlari lebih cepat daripada mereka dan kalau kita berlari sama seperti mereka, kedudukan kita tidak akan berubah, dengan mereka masih di hadapan dan kita di belakang," tambahnya.

"Janganlah kita dengar hujah bangsa-bangsa lain sebab mereka hendakkan kita bergerak perlahan agar mereka boleh terus berada di hadapan," katanya semasa melancarkan Dasar Pertanian Negara (1992-2010) di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Beliau berkata, rakyat boleh melakukannya asalkan sanggup, yakin dan ada kepercayaan pada diri sendiri.

Dr Mahathir mengulangi bahawa bangsa asing akan terus memandang rendah dan hina pada bangsa negara ini dan rakyat akan terus tunduk dan ditindas oleh bangsa-bangsa yang maju sekiranya bangsa Malaysia tidak mempunyai kebolehan seperti mereka. -- Lagi.

▼01/02/16-55MST

CNS4498

R GB 01-02 00140 BH246

BAH

Mahathir - Pertanian 2 Kuala Lumpur

Beliau berkata, sesuatu bangsa akan hilang di dunia sekiranya bangsa itu tidak berubah mengikut perubahan sekeliling dan perubahan dunia.

Sejarah, katanya, telah menunjukkan bahawa bangsa yang kuat suatu masa dahulu seperti (orang) Latin, Rom, Byzantine dan Tunis telah hilang di dunia ini kerana mereka mengekalkan cara hidup lama seolah-olah dunia tidak berubah dengan tidak mengambil kira perubahan sekeliling.

"Kalau kita tidak ada keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan sekeliling, kita juga akan gagal dan bangsa (kita) akan hilang di dunia ini," jelasnya.

Perdana Menteri berkata, bangsa Malaysia sudah terbukti mempunyai keupayaan untuk membuat sesuatu yang selama ini mereka fikirkan tidak mampu seperti membuat kereta, televisyen dan radio.

"Kita perlukan penukaran pemikiran dan memikirkan cara yang terbaik untuk keadaan sesuatu masa," katanya. -- Lagi.

▼01/02/17-20MST

CNS4533

R GB 01-02 00104 BH250

BAH

Mahathir - Pertanian 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, penetapan tempoh selama 18 tahun bagi dasar pertanian itu dibuat kerana kerajaan sedar keadaan akan berubah selepas itu.

Dasar yang baru itu mengambil kira perubahan dasar pertanian dan perindustrian negara, katanya.

Walaupun negara sedang menuju ke era negara perindustrian tetapi negara masih perlu meneruskan industri pengeluaran makanan untuk menjaga kepentingan bekalan makanan negara ini.

"Kita masih perlu tanam padi sebagai jaminan bekalan makanan ketika kecemasan," ujarnya.

Beliau juga mengulangi gesaannya supaya petani, nelayan dan penternak meningkatkan produktiviti dengan berani mencuba teknik moden. -- Lagi.

▼01/02/18-26MST

CNS4535

R GB 01-02 00092 BH251

BAH

Mahathir - Pertanian 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Dasar pertanian yang baru itu menggantikan Dasar Pertanian Negara yang digubal pada 1984. Ia menggabungkan kehendak dan aspirasi Dasar Pembangunan Negara dan Wawasan 2020.

Di bawah dasar itu, pengubahsuaian dan transformasi akan ditangani melalui strategi-strategi meliputi khususnya pembangunan tenaga manusia, peningkatan Penyelidikan dan Pembangunan, mekanisasi, penglibatan lebih sektor swasta dari dalam dan luar negeri.

Lebih 5,000 orang menghadiri majlis pelancaran itu termasuk Menteri Pertanian Datuk Seri Samyunis Junid, pegawai pertanian, petani, penternak dan peladang. -- Bernama.

▼01/02/18-27MST

CNS4520